

CONGRATULATIONS TO OUR WINNERS!

Champion:

University Putra Malaysia
Team B

1st Runner up:

University Malaysia Sabah
Team A

2nd Runner up:

Universitas Gadjah Mada

2nd Runner up:

International Medical
University

NORTH BORNEO INTERNATIONAL INTERVARSITY OPEN :
THE ALCOHOL DEBATE (TAD) 2020

Friend or Foe?



TAHNIAH: UMS A muncul naib Johan TAD 2020.

UMS A naib juara TAD 2020

UB 24.12.2020 P.18

Oleh Safrah Mat Salleh

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) A muncul pemenang naib johan dalam pertandingan North Borneo International Intersivity Open: The Alcohol Debate (TAD) 2020 yang berlangsung pada 12 dan 13 Disember 2020 secara atas talian.

Pasukan yang diwakili oleh ahli Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dianggotai Nurul Firzanah Mohd Darwis, Kuaneshvaran Elangovan dan Jivanarajahn Rajendra Kumar berjaya menyingkirkan pasukan debat dari Universitas Gadjah Madah (UGM), Indonesia.

Walau bagaimanapun, UMS A terpaksa akur dengan pengalaman daripada pasukan debat Universiti Putra Malaysia (UPM) B apabila tewas tipis dalam pertandingan akhir.

Pasukan debat FPSK UMS dilatih oleh Dr Nicholas Pang Tze Ping, seorang psikiatri

yang juga Timbalan Pengarah (Klinikal) Hospital UMS.

Pertandingan yang diadakan melalui aplikasi Zoom itu dianjurkan buat julung kalinya oleh Persatuan Pelajar Perubatan Asia Universiti Malaysia Sabah (AMSA UMS), dengan kerjasama Persatuan Pencegahan Penyalahgunaan Alkohol (APAM).

Pertandingan turut disertai oleh 10 pasukan merangkumi peserta dari UPM, Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Persatuan Pendebat Pulau Pinang (The FACTS), University of Cyberjaya serta pasukan dari Indonesia iaitu pendebat dari UGM dan University of Nahdlatul Surabaya.

Penganjuran TAD 2020 antara lain bertujuan untuk membawa kesedaran terhadap isu penggunaan alkohol, penyalahgunaan, pemasaran, dan perundangan sebagai topik utama perdebatan.

Sementara itu, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Masyarakat FPSK

UMS, Prof Dr Azizan Omar memaklumkan penganjuran pertandingan tersebut adalah sangat tepat pada masanya.

“Ia membuka ruang perbincangan dan perkongsian matang berdasarkan hujah dan sudut pandang bersifat intelektual sebagai medan perbincangan yang sihat mengenai alkohol,” katanya.

Bagi Dekan FPSK, Prof Dr Mohammad Saffree Jeffree, beliau melahirkan rasa gembira atas pencapaian yang ditunjukkan para pendebat fakultinya.

“Saya sangat berbangga dengan pasukan ini, kerana mereka telah memberikan kejayaan besar kepada UMS.

“Pencapaian dalam debat ini menunjukkan bahawa doktor perubatan kami bukan hanya mampu menyembuhkan, tetapi juga berupaya untuk menganjurkan sesuatu program, sentiasa berkeyakinan, dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi,” jelasnya.